

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 November 2015

# Najib azam hapuskan kumpulan, ideologi militan

Um - 20/11/2015

■ KUALA LUMPUR 19 NOV.

DALAM situasi peningkatan ancaman keganasan secara global, Datuk Seri Najib Tun Razak berazam mahu memastikan kumpulan militan dan ideologi pelampau yang wujud di rantau ini dihapuskan.

Perdana Menteri menegaskan bahawa ekstremisme tidak mempunyai tempat dalam masyarakat.

Banyak negara di rantau ini telah menderita di tangan pelampau dan Malaysia tidak terkecuali seperti digambarkan oleh pembunuhan kejam rakyat Malaysia, Bernard Then Ted Feb oleh kumpulan militan di Filipina, baru-baru ini, katanya.

"Ini telah memberi saya keazaman yang lebih tinggi berbanding sebelum ini untuk memastikan bahawa segala langkah yang mungkin diambil bagi menghapuskan bukan sahaja kumpulan militan yang bangkit di rantau ini tetapi juga amalan ideologi pelampau mereka," katanya dalam temubual dengan Bernama

Bernard Then, 39, seorang jurutera elektrik dari Sarawak, dicitik dari sebuah restoran makanan laut di Sandakan, Sabah, 14 Mei lepas dan kemudian kepalanya dipenggal oleh kumpulan militan Abu Sayyaf di Pulau Jolo di Kepulauan Sulu, selatan Filipina, Rabu lepas.

Najib berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan yang dikemukakan oleh Bernama sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 dan Sidang Berkaitan di sini.

Katanya, beliau turut menggesa negara-negara anggota ASEAN untuk menyuarakan tentangan serta menolak ekstremisme dan menyokong kesederhanaan.

Pemimpin ASEAN perlu me-

nangani semua bentuk radikalisme dan keganasan kejam serta manifestasi yang mendorong kepada keganasan, katanya.

"Ini termasuk pencegahan radikalisme, pembiayaan, merekut dan menempatkan individu-individu dalam kumpulan pengganas," katanya.

Najib berkata dalam perang terhadap keganasan, Malaysia akan melihat kepada kerjasama bukan sahaja dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain malah negara-negara lain di luar rantau ini.

Dalam mengesahkan perkara itu, Najib berkata, Kuala Lumpur akan menghoskan Persidangan Antarabangsa Mengenai Radikalisme dan Keganasan Melampau pada 25 dan 26 Januari tahun depan.

Persidangan tersebut, katanya, bukan sahaja melibatkan negara-negara anggota ASEAN tetapi juga negara-negara lain iaitu Australia, China, Perancis, Jepun, Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom dan Amerika Syarikat.

"Bagaimanapun, kata-kata sahaja tidak memadai dan saya ingin memberi jaminan kepada rakyat kami bahawa kita akan melihat kepada langkah-langkah padu yang boleh diambil bagi menangani penyebaran radikalisme dan ekstremisme secara menyeluruh," katanya.

Mengenai masalah pergerakan migran yang tidak teratur di negara-negara ASEAN, Perdana Menteri berkata, usaha global oleh semua negara diperlukan bagi memecahkan kancuh kitaran ganas eksploitasi.

Isu ini bukan sahaja membawa kebimbangan mendesak kepada ASEAN tetapi juga kepada komuniti antarabangsa, katanya. -BERNAMA